

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : KESIHATAN

# Malaysia hasil vaksin halal menjelang 2020

➔ RM100j diperuntuk bangun kan imunisasi meningitis, difteria

Oleh Fahmy Azril Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Malaysia bakal mempunyai vaksin halal dengan harga berpatutan menjelang 2022.

ia hasil kerjasama syarikat farmaseutikal tempatan, Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) dengan Technology Depository Agency

(TDA) dan syarikat penyelidikan farmaseutikal antarabangsa, Hilleman Laboratory (Hilleman Labs).

Perjanjian kerjasama yang dimeterai semalam, akan membangunkan vaksin untuk imunisasi penyakit meningitis dan difteria.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata Pharmaniaga memperuntukkan pelaburan sebanyak RM100 juta untuk membangunkan fasiliti di sebuah kilang di Puchong, merangkumi

mesin untuk menghasilkan vaksin halal.

#### Pemindahan teknologi

Beliau berkata, Hilleman Labs berpusat di India pula menyumbang kepada pengetahuan dan pemindahan teknologi untuk menghasilkan vaksin halal yang boleh digunakan dalam Program Imunisasi Kebangsaan (NIP) untuk manfaat rakyat negara ini.

"Bagi proses menentukan status

halal vaksin itu, kita akan bekerjasama dengan JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).

"Kita juga berharap, usaha ini dapat menggalakkan golongan anti-vaksin supaya berubah dan menerima suntikan vaksin demi kesihatan mereka dalam jangka panjang.

"Ketika ini, dianggarkan hanya 1,450 orang enggan atau degil divaksin. Jika dilihat, antara 95 hingga 98 peratus rakyat negara ini menerima suntikan vaksin," kata-

nya pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum itu, di sini semalam.

Perjanjian ditandatangani oleh Pengarah Urusan Pharmaniaga, Datuk Farshula Emran, Ketua Pegawai Eksekutif TDA, Datuk Zailani Safari dan Ketua Pegawai Eksekutif Hilleman Labs, Dr Davinder Gill.

Yang turut hadir, Pengerusi Pharmaniaga, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin.



Subramaniam bersama dari kiri, Lodin Wok, Zailani, Farshula, Dr Davinder dan Ahli Lembaga Pengarah Boustead, Tan Sri Mohd Chazali Che Mat pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman di Kuala Lumpur, semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 27  
RUANGAN : DALAM NEGERI

Diyakini ubah persepsi golongan antivaksin

# Malaysia jadi hab vaksin halal menjelang 2022

Oleh R. UMAVATHI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 DIS.

**K**EMUNCULAN Malaysia sebagai hab vaksin halal pertama di rantau ini menjelang tahun 2022 diyakini bakal mengubah persepsi golongan antivaksin di negara ini yang meragui status vaksin sedia ada.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dipertanggungjawabkan untuk memantau pensijilan tersebut bagi memastikan status halal yang diberikan benar-benar mematuhi kriteria dan syarat yang perlu dipatuhi.

"Kementerian Kesihatan tidak akan campur tangan dalam isu berkaitan sijil halal. Ia adalah di luar keupayaan kita," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum kerjasama (MoU) antara

Pharmaniaga, Technology Depository Agency Bhd. (TDA) dan Hilleman Laboratories di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Boustead Holdings, Tan Sri Mohd. Ghazali Che Mat; Pengerusi Pharmaniaga, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin dan Ketua Pegawai Eksekutif TDA, Datuk Zailani Safari.

Menerusi MoU itu, Phamaniaga akan membangunkan fasiliti penghasilan vaksin halal termasuk mengendalikan ujian klinikal sementara Hilleman Labs akan menawarkan pemindahan teknologi bagi tujuan itu.

Subramaniam dalam pada itu menjelaskan, terdapat hanya 1,450 individu yang enggan mengambil suntikan vaksin di negara ini.

Katanya, antara lain ia melibatkan dua jenis vaksin program imunisasi penyakit iaitu meningitis dan difteria yang turut diba-



S. SUBRAMANIAM

ngunkan menerusi program berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Subramaniam mengakui hospital-hospital daerah masih tidak mempunyai mesin pengimbas tomografi berkomputer (CT Scan) untuk memenuhi keperluan klinikal lanjutan.

Katanya, penempatan CT Scan buat masa ini adalah bergantung kepada kesesuaian termasuk jumlah pakar perubatan dan jarak antara satu hospital utama dengan lain.

"Contohnya, Hospital Port Dickson juga tidak mempunyai CT Scan dan pesakit perlu dirujuk ke Hospital Tuanku Ja'afar di Seremban.

"Namun jarak antara kedua-dua hospital adalah kurang satu jam. Jadi ia tidak menimbulkan sebarang masalah serius," katanya.